

Headline	Tiada rahsia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	44	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	329 cm ²
Journalist	Sri Ayu Kartika Amri	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,882



Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur:

Lembaga Tabung Haji (TH) menegaskan, pihaknya tidak berse-lindung dalam memberikan fakta kewangan dalam Laporan Tahunan TH 2015.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah berkata, bagi kewangan TH berakhir 31 Disember 2015, jumlah simpanan bersih TH merangkumi jumlah semua simpanan masuk selepas ditolak semua pengeluaran sebanyak RM4.97 bilion.

Katanya, TH juga tidak bersandarkan simpanan

Tiada rahsia

■ *TH tegas tidak selindung fakta kewangan Laporan Tahunan TH 2015*

bersih pendeposit untuk membayar bonus.

“Pembayaran bonus TH daripada keuntungan TH dan bukan daripada peningkatan simpanan bersih pendeposit. Jika TH mengalami kerugian sudah pasti kami tidak mampu membayar bonus kepada pendeposit.

“Kami juga menepis dakwaan sesetengah pihak nonnya TH tidak berupaya membayar semula pende-

posit jika mereka mengeluarkan simpanan sekali gus,” katanya pada sidang media berhubung isu keduhan kewangan TH, di sini, semalam.

Menurutnya, dakwaan Tabung Haji mengalami deficit RM3.09 bilion jika pendeposit mengeluarkan simpanan masing-masing dan ia sebenarnya pelaburan belum direalisasikan dan tidak membabitkan sebarang kerugian.

Johan berkata, pihaknya menegaskan mana-mana pihak tidak mempolitikkan TH dan laporan kewangan TH juga telus.

“Kami menegaskan bahawa kami telus dalam pendedahan kewangan diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2015 dan memberi tumpuan ke atas perkara perlu untuk melaburkan sumber kami bagi memberi pulangan lebih bermakna kepada pendeposit,” katanya.

Headline	Tiada rahsia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	44	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	329 cm ²
Journalist	Sri Ayu Kartika Amri	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,882



“TH tidak
bersandarkan
simpanan bersih
pendeposit untuk
bayar bonus
Johan Abdullah